

Mahathir: Peluang dagang dengan Eropah Timur makin luas

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Ahad. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan petang ini, lawatan beliau ke Switzerland dan Belgium berjaya memperkenalkan imej Malaysia dan meluaskan lagi peluang dagang negara ini dengan negara-negara Eropah Timur. Katanya, misi dagang Malaysia ke kedua nega-

ra itu membolehkan pegawai tinggi dan mereka di peringkat membuat keputusan untuk mengetahui Malaysia dengan lebih jelas dan mendalam.

Datuk Seri Dr. Mahathir pulang ke tanahair bersama rombongan petang ini. Beliau menjelaskan simposium dagang yang dianjurkan oleh Malaysia di Davos, Switzerland adalah sungguh berkesan.

"Simposium tersebut

memperbaiki lagi pengetahuan masyarakat dengan Eropah mengenal Malaysia," tambah beliau.

Katanya lagi, simposium tersebut dihadiri oleh kira-kira 600 pegawai tinggi dan golongan pembuat keputusan dari sektor swasta dan awam Switzerland.

Sewaktu di Switzerland, Datuk Seri Dr. Mahathir juga berucap kepada ahli Peratuan Pembuat Jamtangan di

sana.

Beliau kemudiannya singgah di London untuk berbincang dengan pegawai-pegawai tinggi British di samping berdialog dengan pelajar Malaysia dan melawat ke sebuah kilang barang-barang perak.

Lawatannya ke kilang perak itu, katanya, adalah menarik kerana Malaysia kini mempunyai beberapa kilang tembaga kecil-kecilan yang tidak mampu menampung permintaan tempatan.

"Kita berusaha mendapatkan teknik-teknik pengeluaran dari kilang tersebut untuk memperbaiki pengeluaran kilang tembaga tempatan.

"Saya akan membincangkan masalah ini dengan Menteri Perumahan Awam tidak lama lagi," katanya.